

Penerapan Konsep Islam Dalam Mencapai Perpaduan Di Malaysia

**Azman Md. Zain/Ahmad Zaharudin
Sani Ahmad Sobri**

Pengenalan

Secara amnya majoriti sependapat bahawa masyarakat Malaysia berbilang kaum sudahpun memahami betapa pentingnya erti perpaduan dan muhibbah. Hakikat ini jelas jika dilihat pada struktur negara dari atas hingga ke bawah. Kabinet Kerajaan Malaysia, umpamanya, terdiri dari para pemimpin berbilang kaum termasuk yang mewakili kaum wanita. Terdapat 23 orang Melayu, 6 orang Cina, seorang India dan 2 orang Bumiputera Sabah/Sarawak sebagai Menteri Kabinet. Ahli-ahli Parlimen Malaysia juga terpilih dari berbilang kaum dan gender tanpa timbul sebarang prejudis. Sekali imbas keadaan yang dinyatakan di atas melunakkan fikiran kerana penglibatan pelbagai kaum memang terdapat dalam lunas-lunas utama pada kerangka kenegaraan kita.

Di Jabatan Perdana Menteri, misalnya, kita ada Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional; yang diamanahkan untuk memperjuangkan prinsip Rukunegara yang berpaksikan kepada perpaduan untuk semua melalui kepercayaan kepada Tuhan, tanpa mengira agama dan budaya, menegakkan Raja sebagai tunggak utama kedaulatan negara, keluhuran dan ketaatan kepada undang-undang yang sedia ada dan ketatasusilaan dalam kehidupan harian (Mohamad Zaini, 2005). Kesemua ini merupakan asas kepada pembentukan simbiosis perpaduan dalam negara kita.

Namun, persoalan yang sering dimainkan, apakah perpaduan yang ada sekarang ini wujud secara realiti atau hanya fantasi? Survey yang dijalankan oleh media di Malaysia baru-baru ini menunjukkan bahawa pada skala 1 hingga 10, perpaduan rakyat Malaysia dalam lingkungan 6.5. Secara tidak langsung, undi ini menunjukkan bahawa masalah etnik di Malaysia, tidak begitu serius. Ini juga membuktikan promosi serta kempen-kempen yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang telah merangka rancangan 5 tahun bagi mempromosi integrasi di kalangan berbagai etnik rakyat Malaysia, termasuk membentuk sistem amaran awal bagi mencegah konflik etnik dianggap berjaya.

Dalam kehidupan masyarakat majmuk yang terdiri dari pelbagai bangsa dan budaya pasti terdapat salah faham yang mungkin berakar umbi daripada perasaan etnosentrisme dan jingoisme dalam diri masing-masing dimana kesemua sifat itu sebenarnya harus dihapuskan untuk menjamin kehidupan yang lebih

sejahtera. Untuk itu marilah kita mengungkap rahsia ajaran Islam yang berjaya menyatupadukan penduduk yang berbilang agama dan bangsa untuk hidup aman-damai dalam sebuah negara. Pengetahuan dan pemahaman berkenaan ajaran Islam yang berhubung kait dengan perpaduan penting kepada kita kerana dengannya kita dapat adaptasikannya dalam kehidupan bernegara yang mempunyai pelbagai ras dan etnik ini.

1.1.1.1 MA Islam dan Perpaduan.

Islam sejak daripada mula diturunkan lagi telah mengiktiraf secara eksklusif maruah dan martabat manusia secara sejagat (Sulaiman Nordin, 1995). Islam juga menerima hakikat bahawa manusia itu hidupnya berlainan agama, budaya dan bangsa. Justeru itu, Islam telah memberikan beberapa garis panduan tentang tatacara hubungan sesama Muslim dan juga tatacara dalam menjalin hubungan antara etnik yang berbeza. Pendekatan Islam ini adalah satu pendekatan, modal insan yang bersepadu untuk membangun dan memajukan negara bagi melahirkan masyarakat yang gemilang, terbilang dan gemilang tanpa mengira latar belakang agama, keturunan dan etnik.

1.1.1.2 UA Pluralisme Dalam Islam.

Kewujudan masyarakat majmuk sudah lama diiktiraf dalam Islam. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu). [Surah Al-Hujurat : 13]

Islam mengiktiraf kebebasan beragama dan tiada paksaan bagi penganut agama lain untuk menganuti agama Islam ataupun tidak (Mohamad Taha, 1994). Setiap individu mempunyai hak mempercayai dan mengamalkan sistem kepercayaan masing-masing. Perkara ini diterangkan oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya yang bermaksud:

Tidak ada paksaan dalam ugama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. [Surah Al-Baqarah: 256]

Islam menyuruh umatnya memberikan keadilan kepada semua manusia tanpa ada sebarang bentuk penindasan mahupun diskriminasi (Amir A Rahman, 1991). Menunaikan amanah dalam kehidupan sebenarnya dijunjung tinggi oleh orang Islam dan merupakan perintah Allah s.w.t.. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. (Surah Al-Nisa: 58)

Bersifat adil, telus dan saksama adalah satu kewajipan bagi setiap orang Islam dan dari segi pelaksanaannya tidak terdapat sebarang bentuk pilih kasih dan pengecualian sama ada terhadap orang Islam atau yang bukan Islam.

Dalam 'The New Malayan Nation', Rupert Emerson mengakui dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh pihak British memudahkan mereka untuk memerintah rakyat Malaysia yang berbilang kaum itu (Amini Amir Abdullah 2007). Menurut Emerson, masyarakat plural Malaysia dipisahkan hampir dalam semua aspek, cumanya yang menyatukan mereka ialah mereka tinggal dalam satu bumbung, satu negara.

Masalah atau cabaran yang dihadapi oleh masyarakat berbilang kaum seperti di negara ini adalah perpaduan dan integrasi nasional. Masalah ini boleh dilihat daripada dua perspektif, pertama, konflik dalaman antara kaum-kaum sendiri, dan kedua, konflik antara kelompok-kelompok dan kaum-kaum yang berbeza (Zaid Ahmad, 2006). Walau bagaimanapun konflik sesama kelompok tidaklah seserius konflik antara kelompok-kelompok berbeza.

Sama ada secara sedar ataupun tidak, hubungan Islam-bukan Islam di Malaysia banyak ditentukan melalui konsiderasi agama. Kerana Islamlah, orang Melayu mempunyai sikap banyak bersabar dan bertoleransi terutamanya dalam soal integrasi nasional dan kebebasan beragama. Di Malaysia, label stereotaip sesuatu bangsa banyak dilihat dalam konteks agama. Tahap toleransi di kalangan masyarakat pelbagai kaum agak tinggi. Sudah wujud kesedaran antara kaum mengenai sensitiviti makanan, pantang larang dan adat resam. Di dalam majlis perkahwinan golongan bukan Islam misalnya, sudah ada yang menempah syarikat pengendali makanan orang Islam untuk menyediakan juadah buat jemputan yang beragama Islam. Orang-orang Islam pula sudah menyediakan juadah alternatif, yang bukan bersumberkan daging lembu untuk jemputan yang beragama Hindu.

Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan wujudnya gerai-gerai makanan milik bukan Islam di Lebuh raya Utara-Selatan yang mengambil pekerja-pekerja beragama Islam untuk meyakinkan pelanggan-pelanggan Islam singgah makan dan minum di premis milik mereka. Malahan telah ramai dari kalangan mereka yang telah

mendapat kelulusan JAKIM untuk pengesahan Halal bagi makanan yang disajikan oleh mereka.

Kebebasan beragama yang diamalkan oleh orang Islam di Malaysia merupakan kewajipan dan ajaran yang telah ditentukan oleh agama Islam itu sendiri. Keharmonian dan kehidupan hidup bermasyarakat dan bernegara tidak akan tercapai sekiranya tidak wujud kebebasan beragama, toleransi, saling memahami dan mencintai perpaduan didalamnya. Islam mengakui bentuk-bentuk kepelbagaian budaya dan agama serta kepercayaan dengan memberikan garis panduan tentang pengiktirafan Allah s.w.t. terhadap budaya, agama dan sistem kepercayaan yang diredhaiNya. Bahkan hak-hak orang bukan Islam tetap dipertahankan dalam konteks sejarah pemerintahan dan pentadbiran Rasulullah.s.a.w., para sahabat dan pemerintah yang adil (Nazri Muslim, 2006).

Ketiadaan kebebasan beragama dalam sesebuah negara akan menimbulkan berbagai implikasi negatif. Sejarah telah membuktikan bahawa penjanaaan pembangunan dan kemajuan negara kita sejak merdeka hinggalah sekarang adalah hasil daripada semangat bekerjasama, hormat menghormati, tolong menolong dan toleransi yang menjadi resepi unik negara berbilang kaum seperti Malaysia (Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin, 2000).

Dalam Islam, perpaduan adalah di antara nikmat Allah yang besar. Walaupun perpaduan bermula di kalangan sesama Muslim, perpaduan dengan bukan Islam perlulah juga dititikberatkan. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai berai, dan kenangkanlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah menyelamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya. (Surah Ali-Imran: 103)

Tidak dapat dinafikan perpaduan dan persefahaman adalah prasyarat bagi keutuhan tamadun manusia. Tanpa perpaduan, mana-mana tamadun tidak akan dapat berkelangsungan kerana keadaan huru hara dan kucar kacir tidak akan menstabilkan negara bahkan boleh membawa musibah besar kepada kemajuan tamadun dan pembangunan negara. Perpaduan yang yang dimaksudkan bukan sahaja di kalangan penganut agama Islam bahkan juga dengan bukan Islam (Ezad Azraai Jamsari et. al., 2004). Kerajaan juga tidak dapat menumpukan perhatian kepada pembangunan negara sekiranya terpaksa melayani dan menumpukan kepada konflik dalaman dan masalah perkauman.

Nabi Muhammad s.a.w. ketika menyampaikan Khutbah Wida (perpisahan) di Arafah, antara lain berkata yang bermaksud:

Wahai manusia, sesungguhnya Tuhan kamu adalah satu dan sesungguhnya asal kamu adalah satu. Ketahuilah bahawa tidak ada kelebihan bagi orang Arab atas orang yang bukan Arab. Dan tiada juga kelebihan bagi orang bukan Arab ke atas orang Arab. Orang yang berkulit hitam juga tidak ada kelebihan ke atas orang yang berkulit kemerahan dan begitu juga sebaliknya kecuali dengan taqwa. Sesungguhnya yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah adalah yang paling bertaqwa.

Nabi Muhammad s.a.w. begitu tegas dalam menyentuh soal persamaan asal usul yang membentuk perpaduan dan kelebihan orang yang bertaqwa dan tiada kelebihan manusia berasaskan warna kulit, keturunan dan bangsa.

Pendekatan modal insan yang diterapkan oleh kerajaan dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara telah berjaya membawa negara kita ke satu tahap yang membanggakan dan kita ingin meneruskan kejayaan ini bersama-sama dengan wawasan 2020. Kita ingin merealisasikan hasrat untuk menjadi negara Islam contoh yang toleran dan progresif. Kita juga perlu meneruskan rasa patriotik dan kecintaan yang tinggi pada negara tempat tumpah darah kita ini. Islam mengajarkan bahawa kasihkan negara itu sebahagian daripada iman. Cara membuktikan kecintaan kita kepada negara adalah melalui sumbangan kita kepada negara dan kecintaan itu bukan setakat tersemat di sanubari. Kelangsungan kemerdekaan negara kita bergantung kepada sejauh mana kita bersedia untuk bersama-sama dengan pihak kerajaan memerangi segala bentuk fahaman yang bercanggah dengan Islam, fahaman ras yang chauvinistik, ekstremisme, terorisme serta sebarang bentuk keganasan yang merugikan bangsa dan agama kita.

Kesimpulan

Islam adalah agama yang menganjurkan perpaduan. Perpaduan adalah nikmat manakala perpecahan adalah musibah. Kasihkan perpaduan adalah di antara kesempurnaan akhlak. Perpaduan adalah pemangkin kegemilangan tamadun Islam sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ketika berhijrah ke Madinah pada tahun 622M, baginda mempersaudarakan orang Muhajirin dan orang Ansar, membina masjid sebagai pusat ibadah dan pembangunan sosial, menjaga kebajikan orang yang baru memeluk Islam, membina dan menyusun masyarakat dan negara Islam. Orang Islam dan bukan Islam sama-sama mempertahankan negara Islam Madinah sebagai satu entiti politik yang berdaulat. Perlembagaan Madinah yang mengandungi 47 Fasal, juga menekankan prinsip taqwa dan perpaduan demi keutuhan dan keamanan Madinah Al-Munawwarah. Hidup dalam masyarakat terutamanya masyarakat majmuk diumpamakan seperti satu keluarga besar. Setiap ahli mempunyai tanggungjawab bagi menjamin hidup bermasyarakat berjalan sempurna.

Malaysia kini sedang menjadi perhatian negara-negara Islam lain dan menjadi contoh untuk diambil pengajaran oleh negara-negara lain. Bukan sahaja dalam

aspek ekonomi Islam kita sedang dipelajari, bahkan Malaysia merupakan peneraju kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang mana YAB Perdana Menteri adalah pengerusinya. Kita juga adalah negara Islam contoh dan kita juga adalah model negara Islam bermasyarakat berbilang kaum dan mempunyai pelbagai agama. Kejayaan negara kita mengekalkan kestabilan dan keharmonian antara kaum adalah satu rekod yang perlu kita pertahankan dengan kompleksiti kepelbagaian kaum. Dasar-dasar sedia ada di negara kita telah terbukti dan mampu mempertahankan rekod kejayaan keharmonian perpaduan antara kaum yang cukup baik. Kita juga berharap semoga rakyat semua akan dapat bersama Islam Hadhari bagi merealisasikan pemupukan integrasi nasional dan meningkatkan tahap kesetiaan kita kepada negara dan kepatuhan kita kepada undang-undang dan perlembagaan negara

Rujukan

Al-Quran al-Karim Mushaf Tajwid.

Amini Amir Abdullah

Amir A Rahman 1991. **Pengantar Tamadun Islam**. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ezad Azraai Jamsari, Roziah Sidik, Nasrudin Yunos, Zulkarnain Mohamed 2004. **Pengajian Islam**. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin 2000. **Sejarah Malaysia**. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mohamad Taha 1994. **Prinsip Kemasyarakatan Islam**. Dlm. Islam al-Quran dan Ideologi Masa Kini. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamad Zaini Abu Bakar, 2005. **Hubungan Etnik dalam Konteks Masyarakat Malaysia**. Dlm. Prosiding Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan 2005. Shah Alam: UiTM.

Nazri Muslim 2006. **Islam Hadhari dan Hubungan Etnik: Penyebaran, Pembaharuan dan Pengisian**. Dlm. Hubungan Etnik di Malaysia. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Sulaiman Nordin 1995. **Islam, al-Quran dan Ideologi Masa Kini**. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaid Ahmad 2006. **Cabaran Hubungan Etnik di Malaysia dan Global**. Dlm. Hubungan Etnik di Malaysia. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.